# 'Pajak gadai berlesen dapat kawal ceti haram'

SINAR ONLINE | 10 November 2019




Antara gambar Zuraida ketika perasmian Pajak Gadai Drive-Thru baru-baru ini yang tular di media sosial. Gambar kecil: Nor Hizwan Ahmad

SHAH ALAM - Kewujudan syarikat pajak gadai berlesen dilihat bukan sahaja bokeh mengawal kegiatan ceti haram atau ah long, malah orang ramai dapat menggunakan saluran selamat serta terjamin ketika membuat gadaian.

Setiausaha Politik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nor Hizwan Ahmad berkata, sokongan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin terhadap syarikat pajak gadai berkonsepkan pandu lalu wajar dipuji.

"Usaha beliau (Zuraida) wajar dipuji kerana melalui syarikat pajak gadai berlesen rakyat mempunyai kesedaran menggunakan saluran betul, selamat dan terjamin berbanding menggunakan ceti haram atau ah long.

"Saya sendiri tertanya-tanya, apakah dengan tindakan mengkritik usaha Zuraida memberi signifikasi bahawa Pemuda MIC menyokong rakyat mendapatkan khidmat gadaian dari ceti haram atau meminjam wang daripada ah long," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kritikan Pemuda MIC yang hairan terhadap sokongan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin kepada sebuah syarikat pajak gadai berkonsepkan pandu lalu.

Semalam, Exco Pemuda MIC, Arvind Krishnan menyifatkan adalah sangat tidak wajar bagi menteri untuk memberi sokongan secara terbuka terhadap sebuah industri yang meraih keuntungan daripada kesusahan rakyat biasa.

Respon Arvind itu selepas tular di media sosial gambar sekitar majlis pembukaan kedai berkenaan yang dirasmikan Zuraida.